

**3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

**Satu Analisis Deskriptif Projek Mikropinj: Projek Sosial Universiti Sains  
Malaysia**

Siti Nor Liana Mohd Fazil\*, Rashidah Shuib, Rosli Dzulkifli

Centre for Research on Women and Gender (KANITA)

Universiti Sains Malaysia, Penang

\*Corresponding Email: [lianafazil@usm.my](mailto:lianafazil@usm.my)

**Abstrak**

Dimensi sosial bukanlah satu perkara asing dalam pendidikan pengajian tinggi. Kepentingan peranan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam pembangunan negara boleh dilihat dalam sumbangannya ke arah pencapaian kesetaraan, penyatuan sosial (*social cohesiveness*), kewarganegaraan aktif dan masyarakat yang berkemahiran tinggi. Hal ini dipersetujui dalam beberapa persidangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. Di Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM) merupakan sebuah institusi pengajian tinggi APEX yang berpegang kepada paradigma bahawa sesebuah universiti itu bukanlah hanya sebuah menara gading semata-mata, tetapi harus bergerak sebagai sebuah institusi ilmiah yang menyumbang kepada masyarakat secara langsung dalam menyelesaikan masalah bersandarkan Strategi Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*). Bermula dengan penyelidikan tindakan (*action research*) pada lewat tahun 1980-an yang menghasilkan projek mikro kredit dan penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), USM mengambil keputusan bahawa pendekatan mikro kredit sepatutnya dipanjangkan kepada kakitangannya sendiri, terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah. Kertas ini membentangkan analisis deskriptif Projek Mikro Pinj yang dilancarkan pada tahun 2008 dengan wang yang disumbangkan oleh kakitangan USM sendiri, terutama kakitangan akademik yang berpangkat Profesor dan Profesor Madya. Seramai 136 orang kakitangan menjadi peminjam sepanjang projek ini dilancarkan. Kertas ini akan menganalisis kesemua profil peminjam, jenis-jenis projek yang dijalankan terutama sekali perbezaan projek antara peminjam lelaki dan wanita. Di samping itu, berdasarkan data kuantitatif dengan 27 orang peminjam wanita sebagai sampel, beberapa perincian gender seperti sokongan keluarga dan suami serta peranan peminjam wanita membuat keputusan dalam keluarga akan juga dibentangkan. Faktor kegagalan beberapa projek dan masa hadapan projek akan diteliti secara ringkas.

**Kata Kunci:** Projek Mikro pinj, Mikro kredit, Strategi Lautan Biru, Universiti APEX, Universiti Sains Malaysia, Malaysia.

**1. Pengenalan**

Projek Mikro Pinjaman (Mikro pinj) Universiti Sains Malaysia (USM) dilancarkan pada 2008 hasil cetusan idea daripada Naib Canselor USM ketika itu iaitu Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak (Haile, Shuib & Kasim, 2008). Tahun-tahun 2008 dan 2009 menyaksikan kemerosotan ekonomi global, termasuk Malaysia, dan peningkatan kos sara hidup .

**3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

Pemerhatian dan maklumbalas daripada kakitangan bawahan di USM menunjukkan bahawa kakitangan yang berpendapatan rendah menghadapi tekanan akibat masalah ekonomi berkenaan. Hal ini mungkin akan menjaskan prestasi dan produktiviti mereka. Cetusan idea untuk memberikan pinjaman mikro kepada kakitangan bawahan ini difikirkan boleh membantu mereka yang menghadapi masalah ekonomi. Tujuan memberi kredit ini adalah untuk membantu kakitangan berkenaan membesarkan projek perniagaan sedia ada atau memulakan projek untuk mencari pendapatan sampingan dengan melibatkan ahli keluarga. Cetusan idea ini bertepatan dengan USM yang melahirkan projek IKHTIAR, iaitu satu projek mikrokredit perintis ala projek Grameen Bank (Bangladesh), yang kemudiannya dijadikan sebagai projek kebangsaan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); salah satu strategi menangani kemiskinan di Malaysia.

Apakah peranan universiti? Pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan (*services*) adalah tiga peranan universiti yang sudah lama diterima umum, tetapi yang kerap dipersoalkan adalah “perkhidmatan” yang biasanya dikaitkan dengan peranan sosial universiti. Persoalan ini biasanya timbul kerana peranan-peranan universiti ini dikaitkan dengan sistem ganjaran pensyarah universiti. Pengajaran dan penyelidikan lebih mudah untuk dikira; bilangan subjek/kursus dan penuntut serta maklum balas tentang kualiti pengajaran oleh penuntut dan penyelidikan serta bilangan kertas yang diterbitkan dalam jurnal yang berimpak tinggi lebih mudah dikira berbanding kerja ‘sosial’ yang dijalankan oleh pensyarah. Dalam usaha mencari arah tuju universiti menghadapi dunia global dan menilai keupayaan universiti sebagai ejen transformasi masyarakat, laporan antarabangsa oleh the Association of Commonwealth Universities menyatakan bahawa “Universities are of their societies and their histories. They are not ivory towers...” (Brennan, J; King, R & Lebeau, Y. 2004) USM sudah lama keluar dari kepompong menara gading sejak ia ditubuhkan dengan melibatkan penuntutnya dalam khidmat masyarakat. Sebagai universiti APEX penglibatan universiti-masyarakat semakin kukuh dengan adanya bahagian spesifik yang memberi fokus kepada jaringan tersebut. “*As an APEX university, one of the missions of Universiti Sains Malaysia (USM) is to embrace engagement as a core value. Besides restructuring the university's programmes as well as their implementation to nurture engaged learning, USM has been playing a proactive role in bridging the gap between the rich and the poor, thus equalising opportunities for the country's 'bottom millions'*” (Bahagian Jaringan Industri-Masyarakat USM, 2016 ).

### **3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

#### **1.1 Konsep Pinjaman Mikro Kredit**

Penyelidikan merupakan aktiviti penting dalam menghasilkan ilmu untuk dikongsi dengan penuntut dan digunakan untuk faedah masyarakat bertujuan “...to touch base with the needs of the poor and unrepresented” (USM Prospectus 2014, Public Relations Office) Projek penyelidikan bertindak (*action research*) mikrokredit, projek IKHTIAR USM, yang dijalankan pada tahun 1980-an di bawah penerajuan Prof. David S.Gibbons dan Prof Sukor Kassim, adalah satu contoh projek penyelidikan yang memenuhi keperluan *the bottom millions.*’ Konsep pinjaman Mikro Kredit ini bermula daripada model Bank Grameen di Bangladesh, yang mencetuskan idea membasmi kemiskinan dengan mewujudkan kemudahan pinjaman mikro berlandaskan “kredit sebagai hak asasi manusia.” (Yunus, 2007) Penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) merupakan usaha menjadikan projek perintis tersebut sebagai usaha nasional dalam menangani kemiskinan di Malaysia. Model ini mula beroperasi sejak tahun 1987 dan berfungsi sebagai sebuah badan bukan kerajaan yang menyokong Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Wawasan Nasional dalam membasmi kemiskinan negara. (Zaini, Rindam, & Supian, 2012). Mengambil iktibar daripada kejayaan mikro kredit mantan Naib Canselor, Tan Sri Dato Dzulkifli Abdul Razak menimbulkan idea bahawa konsep mikrokredit ini patut dijalankan di USM khas untuk membantu kakitangan yang bergaji rendah mencari pendapatan sampingan. Projek tersebut dinamakan ‘*Projek Mikro Pinjaman*’ yang lebih dikenali sebagai Mikro pinj USM.

#### **1.2 Projek Mikro Pinjaman USM**

Projek Mikro Pinjaman USM adalah sebuah projek mikro kredit yang memberikan pinjaman kepada kakitangan USM yang berpendapatan gred N19 ke bawah (N17 sudah ditukarkan kepada N19) dan memenuhi beberapa syarat tertentu iaitu berjawatan tetap atau yang sudah sah jawatan dan bergred 19, tempoh bayaran balik selama 24 bulan (2 tahun), jumlah pembiayaan maksimum sehingga RM 5,000.00 (lima ribu ringgit sahaja), potongan gaji tidak melebihi 60 peratus, perlu menjadi ahli Koperasi USM, dan mengambil insurans yang ditetapkan. Pembayaran balik adalah melalui potongan gaji tanpa faedah.

Projek Mikro Pinj mengenalpasti 7 kunci transformasi utama iaitu, (1) meningkatkan pendapatan isi rumah, (2) menambahkan simpanan isi rumah, (3) mencipta satu bentuk pekerjaan sendiri, (4) menjana aset produktif, (5) membina keperluan asas: tempat tinggal,

**3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

pendidikan, kesihatan dan nutrisi, (6) memenuhi tuntutan agama, (7) mengurus produktiviti staff di tempat kerja. (KANITA Matters, Issue 5 July 2010).

Memandangkan projek mikropinj ini adalah satu-satunya projek mikrokredit di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia, maka projek ini patut dikongsi untuk faedah ramai. Kertas ini akan membentangkan analisis deskriptif projek secara keseluruhan tetapi juga akan memperincikan data yang diperolehi hasil pemantauan survei yang dijalankan dengan semua peminjam pada bulan Oktober 2012 sehingga Februari 2013 serta survei dengan 27 orang peminjam wanita yang dijalankan pada April 2016. Beberapa faktor kejayaan dan kegagalan serta cadangan akan dikemukakan.

## 2. Metodologi

Analisis dibuat menggunakan data kuantitatif yang dikumpul melalui tiga cara: a) Bank data tentang peminjam untuk pemantauan iaitu kutipan data secara rutin tentang peminjam, jenis projek dan sebagainya sejak ia dilancarkan, b) Survei yang dijalankan pada Oktober 2012 hingga Februari 2013 melibatkan semua peminjam mikro pinj, dan c) Survei dengan 27 orang peminjam wanita di Kampus Kesihatan, USM pada April 2016. Survei yang dibuat pada tahun 2012 adalah sebahagian daripada proses pemantauan dan penilaian dan melibatkan semua peminjam lelaki dan wanita, manakala survei 2016 adalah sebahagian survei yang lebih besar iaitu melibatkan 70 orang peminjam mikro kredit wanita di Kelantan tetapi hanya 27 orang peminjam Mikropinj yang terlibat.

## 3. Dapatan Kajian

**Data pemantauan** menunjukkan sehingga November 2016, terdapat 136 peminjam dari kesemua kampus USM (57.4 % lelaki dan 42.64 % wanita). Peminjam (lelaki dan wanita) yang paling ramai ialah dari Kampus Kesihatan yang terletak di Kelantan. Majoriti terdiri daripada mereka yang berumur 50 tahun ke atas, menunjukkan golongan yang melangkah ke arah persaraan (umur bersara di Malaysia ialah 60 tahun). Data survei 2012 -2013 juga menunjukkan lebih 54 peratus peminjam berumur 50 tahun ke atas. Data survei dengan 27 orang wanita menunjukkan 15 orang yang berumur 50 tahun ke atas. Sebilangan besar peminjam berkahwin. Data survei (2012-2013) menunjukkan 94 % berkahwin, manakala data survei 2016 dengan 27 orang wanita juga menunjukkan 24 orang yang berstatus “kahwin” manakala yang lainnya bercerai, balu atau bujang. Tahap pendidikan peminjam ini majoritinya

**3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

bertaraf SPM iaitu lebih kurang 11 tahun pengajian. **Jenis projek** boleh dikategorikan kepada 8 kategori besar iaitu penternakan, pertanian, kemahiran, makanan, alat komunikasi dan fotografi. Majoriti peminjam menjalankan perniagaan berkaitan makanan, daripada penjualan secara kecil-kecilan sehingga besar kepada katering dan pakaian (jahit-menjahit, tudung dan perkhidmatan pakaian). Data daripada 2012 hingga 2013 menunjukkan bahawa peminjam menggunakan wang untuk membeli alat kelengkapan seperti mesin jahit, mesin pembuatan roti, dapur dan lain-lain untuk perniagaan mereka. Pada umumnya, pinjaman digunakan untuk memulakan perniagaan atau membesarlu perniagaan masing-masing.

Jadual 1 Kategori Perniagaan/Projek Peminjam Mikro Pinj (2009-2016)

<b>Kategori Perniagaan</b>	<b>Jenis perniagaan</b>	<b>Bil Peminjam</b>
Penternakan	Penternakan kambing, lembu,biri-biri,ikan keli, burung, ayam dan kucing	18
Pertanian	Penanaman pokok buah-buahan, sayur-sayuran, pokok hiasan	7
Kemahiran	Jahitan, sulaman,gubahan bunga hantaran, sabun buatan sendiri, gunting rambut, butik pengantin, kedai elektrik	17
Makanan	Kuih muih, mee celup, biskut raya, kek, burger, nasi, roti pau,bakeri	57
Alat kom	Menjual Kad Prabayar telefon bimbit	3
Fotografi	Fotografi gambar	2
Pakaian	Pakaian wanita, pakaian bayi, kain pasang, bundle	6
Pelbagai	Jualan langsung, barang kitar semula, barang kemas, agen surat khabar,percetakan buku, jualan online, menjual mesin penapis air, minyak wangi, dan nelayan,barang runcit,ubat kelelumur	26
	<b>Jumlah</b>	<b>136 orang</b>

(sumber: Projek Mikro Pinjaman USM, Oktober 2016)

**Sokongan keluarga.** Survei 2016 dengan 27 orang peminjam wanita memberi fokus kepada beberapa soalan spesifik berkaitan sokongan keluarga yang melibatkan peranan gender. Salah satu daripadanya ialah tentang suami membantu memasak untuk keluarga, iaitu peranan yang biasanya dianggap peranan wanita. Seramai 21 (88.95%) orang peminjam bersetuju bahawa

**3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

keluarga menyokong mereka menjalankan perniagaan. Pada umumnya, majoriti wanita (25 orang) yang terlibat dalam projek perniagaan menyatakan bahawa keluarga tidak mengganggu mereka menjalankan perniagaan. Situasi ini berkait rapat dengan sokongan suami yang membantu menguruskan keluarga. Hanya empat orang peminjam wanita tidak bersetuju dengan pernyataan yang menyatakan bahawa suami mereka sering memasak untuk keluarga mereka. Perkara ini menunjukkan bahawa peranan memasak masih terletak di bahu wanita walaupun mereka bekerja sepenuh masa dan terlibat dalam projek mikro pinj.

Berkenaan dengan soalan sokongan suami dalam membantu isteri untuk membuat kerja rumah, 22 orang daripada 27 bersetuju mendapat bantuan suami dalam menguruskan rumah tangga mereka. Begitu juga seramai 21 orang menyatakan bahawa suami mereka kerap menguruskan persekolahan anak-anak.

#### **4. Perbincangan**

Respons baik kepada projek Mikor Pinj menunjukkan adanya keperluan mendapat kredit dalam kalangan kakitangan bergred rendah untuk mencari pendapatan tambahan. Survei 2012-2013 menunjukkan bahawa mereka menghadapi tekanan ekonomi kerana kos barang yang meningkat, manakala survei 2016 menujukkan hampir kesemua 27 orang peminjam mempunyai pasangan pekerjaan yang bergred rendah. Modal diperlukan untuk memulakan perniagaan atau untuk membangunkan lagi perniagaan sedia ada kerana memang ada kakitangan yang sudahpun bermula secara kecil-kecilan. Terdapat perniagaan yang berkembang maju selepas mendapat pinjaman Mikro sehingga peniaga perlu membuka tempahan katering. Jelas kredit itu membolehkan peminjam membuat pusingan modal dan membeliaset perniagaan.

Daripada perspektif gender, data jelas membuktikan bahawa perniagaan yang dijalankan masih dipengaruhi stereotaip gender, iaitu peniaga wanita terlibat dalam projek perniagaan berasaskan jahitan, makanan, butik pengantin, manakala peniaga lelaki pula terlibat dalam projek seperti penternakan, fotografi dan sebagainya. Mungkin mereka terpaksa bermula daripada apa-apa juu kemahiran yang mereka punyai iaitu kemahiran berasaskan peranan gender.

Data juga menunjukkan kebanyakan peminjam adalah dari Kampus Kesihatan USM yang terletak di Kelantan. Majoritinya terdiri daripada kaum wanita. Sememangnya negeri ini

**3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

merupakan sebuah negeri yang mempunyai budaya perniagaan yang kuat dan ramai kaum wanita yang terlibat dalam perniagaan (Zamzuraidah, I. 2014).

Umur peminjam 50 tahun ke atas bagi kumpulan pekerja yang bersara wajib pada umur 60 tahun adalah antara peminjam yang sedang membuat persediaan untuk bersara. Umur sebegini sama dengan projek mikro kredit yang lain, hal ini dapat dilihat apabila banyak institusi perbankan menawarkan pinjaman kepada golongan peminjam yang menjangkau usia sebegini. Hal ini dibuktikan melalui syarat khas dari Yayasan Penjaja dan Perniagaan Kecil 1 Malaysia juga turut menawarkan syarat yang sama (Yayasan Penjaja dan Perniagaan Kecil 1 Malaysia, 2016). Namun kajian oleh (Al Mamun, Muniady, & Permarupa, 2015) melibatkan 417 usahawan mikro wanita di luar institusi menunjukkan umur yang lebih muda iaitu 47 peratus dalam kalangan 31 hingga 40 tahun dan 25.2 peratus dalam jarak umur 41 hingga 50 tahun. Ini mungkin kerana mereka tidak terikat kepada umur persaraan.

Sokongan keluarga, jaringan sosial dan sebagainya merupakan *social capital* yang penting bagi seseorang usahawan mikro. Kebanyakan literatur tidak melihat *social capital* ini daripada perspektif gender. Biasanya fokus diberi kepada keupayaan membentuk dan menggunakan jaringan sosial, “*...knowing the right people among key business players and knowing how to reach them...*” (Al Mamun, Muniady, & Permarupa, 2015). Tetapi daripada kajian ini, jelas usahawan wanita terperangkap dalam peranan gender menjaga anak, mengurus rumah tangga, memasak dan lain-lain kerana tidak ada seorang pun dalam kalangan 27 orang itu mempunyai pembantu rumah. Oleh itu peranan suami yang sama ada membantu atau mengambil alih peranan di rumah adalah sebahagian *social capital* penting tetapi jarang dibangkitkan oleh penyelidik. Dorongan untuk menjalankan perniagaan dalam 27 orang tersebut, hampir separuh mengatakan mendapat dorongan daripada suami dan mereka juga tidak mempunyai masalah keluarga. (Norasmah, O. & Nor Hafiza,O. 2012).

Namun begitu, untuk menambah produktiviti perniagaan mereka, kebanyakannya daripada mereka amat memerlukan latihan contohnya dalam pengurusan kewangan dan mempelajari teknik untuk mempromosi barang melalui media sosial, contohnya, facebook, telegram, instagram dan sebagainya. Cadangan ini dikira sebagai satu inisiatif yang penting untuk direalisasikan oleh pihak mikro pinj.

**3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

Disamping itu, secara implisitnya juga keperluan latihan ini adalah selaras dengan “*human capital*” iaitu kemahiran atau kompetensi yang perlu bagi perniagaan usahawan. Projek Mikro pinj perlu meneliti aspek ini agar semua pengetahuan dan kemahiran peminjam sebagai usahawan meningkat. Namun begitu, dalam kesemua projek perniagaan yang dijalankan oleh peminjam ini tidak kesemuanya berjaya, kerana cabaran persekitaran (*natural capital*) yang biasanya di luar kawalan peminjam. Perkara ini terjadi apabila seramai perniagaan/projek enam peminjam gagal akibat banjir besar yang melanda negeri Kelantan pada tahun 2014. Jenis projek yang terlibat dalam bencana alam ini ialah projek yang melibatkan penjualan pakaian, penjualan kad prabayar dan penternakan haiwan iaitu ayam serama dan lembu. Banjir membuatkan mereka *vulnerable*.

### 5. Kesimpulan

Projek unggul mikro kredit khas untuk kakitangan USM ini tidak dijalankan oleh mana-mana universiti melainkan USM sahaja. Sebuah projek sosial ini jelas menggambarkan bagaimana sebuah institusi akademik yang menjalankan penyelidikan telah membawa dapatan yang memberi manfaat kepada kakitangannya. Secara tidak langsung ia menyumbang kepada ekonomi negara melalui *microenterprise*, melalui pelaksanaan pelbagai projek perniagaan yang dilaksanakan oleh peminjam. Potensi projek sosial USM ini memberikan manfaat kepada warga kakitangan adalah besar. Projek perniagaan yang berpotensi patut dibantu untuk dimajukan. Kemaslahatan ini telah membawa kepada jaminan kehidupan para peminjam selepas mereka menjangkau usia persaraan. Inisiatif yang rasional dicetuskan oleh mantan Naib Canselor USM iaitu Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak ternyata memberikan impak yang besar bukan sahaja untuk melahirkan warga kakitangan yang berilmu dalam bidang perniagaan, malahan impaknya juga turut memberikan kesan yang positif kepada kestabilan ekonomi keluarga.

### RUJUKAN

Al Mamun, A., Muniady, R., Permarupa, P.Y. (2015). Social Capital And Entrepreneurial Competencies: A Study Among Women Micro- Entrepreneurs in Malaysia. The Journalof Developing Areas.

Bahagian Jaringan Industri Masyarakat USM. Diakses dari <https://icn.usm.my/index.php/community-engagement/introduction>

**3rd KANITA POSTGRADUATE INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
GENDER STUDIES**

16 – 17 November 2016

Universiti Sains Malaysia, Penang

Brennan, J; King, R and Lebeau, Y. (2004). The role of universities in the transformation of societies. An international research report. Synthesis Report. London: The Open University and the Association Commonwealth Universities.

Haile, B.H., Shuib, R., and Kasim, S. (2011). Leading the Journey, Pursuing the Dream. Pulau Pinang: Women's Development Research Centre (KANITA).

KANITA Matters. (2010). Microcredit as a Tool for Women Empowerment: The Case of the Micro-pinj Project.

Norasmah, O. & Nor Hafiza,O. (2012). Usahawan Mikro Kredit: Faktor-Faktor dalam Yang Mendorong Kejayaan Perniagaan. Diakses dari <http://conference.kuis.edu.my/iceb2016/eproceedings/EB020.pdf>

Nordin, H. Rahilah, O. dan Siti,Latif. (2012). Penyertaan Ekonomi Melayu dalam zaman Kesultanan Melayu: Permulaan Bagi Sebuah Perjuangan dalam Bidang Ekonomi. Diakses dari [http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA82-2/Akademika%2082\(2\)Chap%206-locked.pdf](http://www.ukm.my/penerbit/akademika/ACROBATAKADEMIKA82-2/Akademika%2082(2)Chap%206-locked.pdf)

Yayasan Penjaja dan Perniagaan Kecil 1 Malaysia. (2016) Diakses dari <http://yppkm.org/my/faq.html>

Universiti Sains Malaysia. (2014). Prospectus 2014. Pulau Pinang: Public Relations Office USM.

Yunus, M. (2007). Diakses dari <https://www.theguardian.com/world/2007/jan/05/outlook.development>

Zamzuraidah, I. (2014). Faktor yang mendorong Usahawan Wanita di Kelantan Mencebur入 Bidang Perniagaan Di Pasar Siti Khadijah Kelantan. Diakses dari [http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkgdfwp2/p\\_2004\\_5871\\_004d25608c77426087fc76722d9c7698.pdf](http://www.fp.utm.my/epusatsumber/pdffail/ptkgdfwp2/p_2004_5871_004d25608c77426087fc76722d9c7698.pdf)

Zaini,O. Rindam, M. Supian, M. (2012). Pencapaian Skim Mikro Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam Landskap Pembangunan Luar Bandar: Satu Penilaian. Diakses dari [http://www.ukm.my/geografia/images/upload/2.geografiabe%20202012-themed%20issue-zaini%20omar-usm-melayu-1\[1\].doc-22.2.pdf](http://www.ukm.my/geografia/images/upload/2.geografiabe%20202012-themed%20issue-zaini%20omar-usm-melayu-1[1].doc-22.2.pdf)